

TAHAP KECENDERONGAN MAHASISWA MENYERTAI PROGRAM PEMBANGUNAN KEROHANIAN

(The Tendency Level of Students to Participate in the Spirituality Development Program)

Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor & Norazlina Abd Wahab

ABSTRAK

Golongan belia wajar menyertai program pembangunan kerohanian bagi membina jati diri yang mantap. Walaupun program pembangunan kerohanian banyak dianjurkan oleh pelbagai pihak, namun kecenderungan belia untuk menyertainya kurang memuaskan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian dan mengenal pasti perbezaan bagi tahap kecenderungan menyertai berdasarkan ciri-ciri demografi. Kajian kuantitatif ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Sejumlah 623 pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak kelompok berkadar daripada kalangan pelajar prasiswazah Muslim di Universiti Awam (UA) Malaysia terpilih. Hasil analisis deskriptif mendapati tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berada di tahap sederhana tinggi. Penemuan analisis Ujian-t Sampel Bebas dan ANOVA Sehalu membuktikan tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berbeza secara signifikan berdasarkan penginapan di UA, lokasi kediaman, umur, kelayakan akademik memasuki UA, jenis dan aliran di sekolah menengah dan program pengajian di UA. Namun begitu, tahap kecenderungan menyertai ini masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan memandangkan program pembangunan kerohanian dapat membantu mendekatkan diri dengan Pencipta dan penting dalam pembentukan jati diri mahasiswa. Justeru, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat perlu memberi galakan dan sokongan kepada golongan belia untuk menyertai program pembangunan kerohanian serta memberi penekanan kepada pendidikan agama di peringkat awal bagi memastikan pembangunan belia yang holistik ke arah pembinaan negara bangsa.

Kata kunci: kecenderungan, menyertai, kerohanian, mahasiswa, jati diri

ABSTRACT

Youth should participate in the spirituality development programme to build a strong identity. Although many spirituality development programmes have been organized by various parties, but the tendency of the youth to participate is less satisfactory. Hence, this study was conducted to measure the level of tendency of students to participate the spirituality development program and to identify the differences in the level based on demographic characteristics. In. This quantitative research was conducted using a survey method through questionnaires. The number of 623 samples selection in this study using technique of the proportional cluster random sampling from undergraduate Muslim students at the selected Malaysia Public University. The results of descriptive analysis found that the level of tendency of students to participate the spirituality development programme is moderately high. The findings of

Independent Sample T-Test and One-Way ANOVA proved that the level of tendency of students to participate the spirituality development programme is also significantly different based on age, residence location, type and field in secondary school, academic qualification to enroll the university, program of the study and current residency at university. However, this level of tendency to participate still has room to be improved since the spirituality development program can help to draw closer to the Creator and most important in the development of student identity. Thus, educational institutions, families and communities need to encourage and support the youth to participate in the spirituality development programme and give more emphasis to religious education at early stages to ensure a holistic youth development towards nation building of the country.

Keywords: tendency, participation, spirituality, students, identity

PENGENALAN

Program pembangunan kerohanian merupakan suatu aktiviti yang mampu membina jati diri yang mantap serta sahsiah dan keperibadian yang mulia melalui peningkatan nilai kerohanian dan perkembangan emosi yang sempurna sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan golongan belia (Sharifah Nooraida & Sharifah Fatimah 2011). Jati diri membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama) yang menjadi teras dan lambing keperibadian seseorang individu. Dari segi istilah pula, jati diri ialah sikap atau perangao murni yang telah sehati dengan diri seseorang sama ada berbentuk luaran ataupun dalaman (Kamus Dewan 2020). Menurut al-Bahi (1986), pembangunan jati diri boleh dikaitkan dengan peristiwa Hijrah. Peristiwa penghijrahan ke kota Madinah adalah merupakan proses pembangunan insan, perkembangan yang produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya.

Konsep program pembangunan kerohanian di dalam kajian ini membawa maksud suatu kegiatan atau aktiviti yang disusun oleh pihak tertentu dengan menekankan ilmu-ilmu kerohanian atau bersangkut paut dengan kejiwaan yang lebih menjurus kepada aspek keagamaan dan bertujuan meningkatkan nilai spiritual (kerohanian) untuk pembangunan jati diri. Justeru, semua program-program pembangunan belia mestilah mengambil kira elemen kerohanian bagi memantapkan lagi jati diri serta menjadikan mereka jelas dengan tujuan dan matlamat kehidupan. Menurut Nadya Shaffinaz (2013), penyertaan golongan belia dalam program pembangunan kerohanian dapat melahirkan sifat kerohanian dalam diri belia, secara tidak langsung seseorang belia ini akan menjadi lebih matang dalam menilai setiap perkara di sekeliling kehidupan mereka sebelum menentukan arah keputusan dalam meneruskan perjalanan kehidupan. Malah setiap unsur negatif yang berada di depan mata dapat ditepis daripada mempengaruhi kehidupan mereka.

Walaupun pertubuhan belia dilihat dapat memberi banyak manfaat menerusi aktiviti-aktivitinya tetapi didapati belia Malaysia kurang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan dan kerohanian. Hakikatnya, elemen kerohanian adalah unsur yang paling penting untuk diserapkan dalam diri belia. Perkara ini juga turut dibuktikan melalui kajian oleh Mohd Isa, Mohd Aliff, Jamil, Ab Halim, Amirah dan Nurul Pasihah, *et al.* (2012) yang melaporkan bahawa aktiviti keagamaan dan kerohanian tidak diberi tumpuan yang serius dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan belia. Ini kerana berdasarkan kajian mereka dalam kalangan belia Muslim di Selangor mendapati penyertaan belia terhadap aktiviti kerohanian dan

keagamaan mendapat kedudukan yang kelima daripada enam aktiviti utama yang sering dianjurkan oleh ahli-ahli pertubuan belia.

Dalam pada itu, sambutan penyertaan belia dalam aktiviti keagamaan dan kerohanian menunjukkan hasil yang kurang memuaskan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Saifuddin (Utusan Online 2010), sambutan mahasiswa terhadap aktiviti keagamaan kurang memuaskan berikutan kegiatan yang dijalankan kurang menarik perhatian mereka. Maka, usaha melahirkan modal insan cemerlang dan bertakwa tidak akan berjaya sekiranya hal yang sedemikian berterusan. Malah, mahasiswa juga tidak berminat menyertai aktiviti ko-kurikulum yang berkaitan dengan keagamaan dan dakwah jika ia tidak menjadi subjek yang diwajibkan dalam peperiksaan. Oleh itu, pihak universiti diharapkan dapat menggarap aktiviti ko-kurikulum berkaitan keagamaan dengan persembahan yang menarik dan mampu melahirkan ramai pendakwah muda. IPT juga turut disaran memperbanyakkan lagi aktiviti keagamaan, kerohanian dan ko-kurikulum dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti serta bertakwa.

Sebagaimana Ibn Khaldun menjelaskan masa lapang mahasiswa hendaklah diisi dengan *ansyitah* iaitu aktiviti-aktiviti yang berfaedah serta melakukan pemantauan supaya tidak menyimpang daripada matlamat perlaksanaannya (DBP 1995). Aktiviti atau program yang diadakan untuk mahasiswa ini dapat membantu perkembangan sosial yang memberi pengaruh kepada keperibadian dan kerohanian mahasiswa di samping dapat menyuburkan kemahiran dalam kalangan mahasiswa walaupun hal ini tidak dikira sebagai satu *manhaj* (kurikulum) (DBP 1995). Menurut Ibn Khaldun, aktiviti atau program merupakan satu keperluan untuk menyuburkan kemahiran yang ada dalam kalangan mahasiswa. Beliau turut menambah bahawa aktiviti yang dijalankan dapat membentuk sifat berdikari, bekerjasama dengan orang lain, berkemampuan untuk bertindak dan menangani permasalahan hidup yang dihadapi. Hasil daripada aktiviti yang dijalankan akan dapat melahirkan mahasiswa yang berkebolehan dan berakhlak mulia.

Masribanun (2004) berpendapat wadah tarbiah bukan hanya melalui pengajaran Pendidikan Islam di dalam kelas sahaja tetapi ia juga melibatkan mahasiswa dalam bidang ko-kurikulum khususnya aktiviti keagamaan dan kerohanian yang menjadi wadah pembinaan dan penyuburan insan yang seimbang dan akhlak yang mulia. Penyertaan mahasiswa dalam program pembangunan kerohanian yang dilaksanakan di universiti akan dapat memberi pengisian dan penyuburan jiwa dengan nilai-nilai agama yang lebih mendalam di samping dapat memantapkan kefahaman Islam dengan lebih jelas (Masribanun 2004). Ia juga sebagai langkah membendung aktiviti atau kegiatan yang tidak bermoral dan mencipta suasana yang lebih berdisiplin sesuai dengan ajaran Islam yang syumul (lengkap) dalam pelbagai aspek.

Ironinya, semua pihak yang terlibat harus memastikan elemen kerohanian ini dapat diserap, dihayati dan dipertingkatkan dalam diri belia khususnya melalui penyertaan dalam program pembangunan kerohanian. Maka, menjadi satu kewajipan kepada semua pihak untuk menyokong dan membantu golongan belia dalam usaha membina generasi yang mempunyai jati diri yang kukuh dengan meningkatkan tahap kecenderungan penyertaan mahasiswa khususnya melalui program pembangunan kerohanian. Menurut Eraut (2004) serta Merriam dan Caffarella (2006) mendapati profil penyertaan sangat penting untuk merencanakan program pembangunan modal insan yang berkesan.

Seterusnya, kepelbagaian dan ketidak seragaman latar belakang belia menyukarkan pembentukan program pembangunan kerohanian yang sesuai. Kenyataan ini disokong oleh Samsudin (2007) yang menegaskan bahawa usaha pembangunan belia bukanlah satu perkara yang mudah kerana generasi belia Malaysia bukanlah seragam tetapi pelbagai ragam. Ini kerana golongan belia Malaysia terdiri daripada belia bandar, belia berpendidikan, belia luar

bandar, belia dari golongan berpendapatan rendah, belia yang dibesarkan sebagai anak yatim, belia yang kurang keupayaan dan sebagainya. Maka, kumpulan demografi yang pelbagai menyebabkan tahap kecenderungan golongan belia menyertai sesuatu program berbeza berdasarkan kumpulan demografi. Kenyataan ini disokong oleh kajian Paine, McKay dan Moro (2013) yang membuktikan bahawa profil demografi memberi impak yang berbeza kepada tahap penyertaan.

Walaupun program pembangunan kerohanian banyak dianjurkan oleh pelbagai pihak, baik di universiti mahupun dalam komuniti, namun sejauhmanakah tahap kecenderungan mereka menyertai program tersebut masih belum dikenalpasti. Justeru, berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini bertujuan mengukur tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kewujudan perbezaan tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berdasarkan ciri-ciri demografi.

SOROTAN KAJIAN

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa belia mengalami hasil pembangunan lebih positif (seperti peningkatan hubungan dengan orang dewasa dan rakan-rakan, pembangunan kemahiran hidup, tahap penglibatan) ketika mengambil bahagian dalam aktiviti luar sekolah yang teratur berbanding dengan aktiviti masa senggang yang pasif (seperti menghabiskan masa bersama rakan-rakan, menonton televisyen, membaca, mendengar muzik) (cth. Barber, Eccles, & Stone, 2001; Benson, Scales, & Syvertsen 2011, Eccles & Gootman 2002, *Employment & Social Development Canada* 2014). Maka, pelaksanaan program-program berkualiti tinggi adalah penting kepada golongan belia kerana program sedemikian memberi impak yang besar dan berpotensi ke arah penyertaan belia (Bean & Foneris 2016).

Di samping itu, bidang pembangunan belia perlu menerokai kaedah menyepadukan pembangunan kerohanian ke dalam dasar-dasar, program, dan latihan kerana dalam organisasi, sama ada sekular atau agama, ia berpotensi mempunyai kesan positif ke atas belia (Benson & Roehlkepartain 2008). Terdapat beberapa kajian penyelidikan Barat menunjukkan bahawa penyertaan kerohanian dan keagamaan merupakan suatu dimensi penting dalam pembangunan belia. Berdasarkan data yang diperolehi daripada *The Project Teen Canada*, Bibby (2006) mendapati bahawa 75% daripada responden menganggap diri mereka sebagai ahli-ahli agama, 60% didapati elemen kerohanian adalah penting, dan 48% menyatakan bahawa mereka mempunyai keperluan rohani. Penemuan ini adalah selaras dengan pandangan Benson dan Roehlkepartain (2008) bahawa kebanyakan golongan belia menjadikan pembangunan kerohanian sebagai satu bahagian penting dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian dari Larson, Hansen, dan Moneta (2006) menunjukkan bahawa penekanan programatik terhadap pembangunan kerohanian mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan pembentukan identiti dan jati diri semasa remaja.

Dalam konteks kajian di Malaysia, Sharifah Nooraida dan Sharifah Fatimah (2011) telah menjalankan kajian untuk meninjau keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang. Hasil kajian mereka mendapati bahawa guru pelatih sangat memerlukan aktiviti-aktiviti kerohanian seperti bacaan *Yasin*, amali Fardhu Ain (solat jenazah), tazkirah, santapan rohani (*usrah*), amali Fardhu Ain (projek sembelihan), *ta'lim* (selepas Maghrib, Isyak dan Subuh), tahlil dan forum terutamanya dalam mendekati diri kepada Allah s.w.t. Selain itu, majalah-majalah keagamaan yang terdapat di perpustakaan turut menyumbang kepada pembentukan kerohanian

dalam diri guru pelatih. Melalui penemuan kajian, mereka menyarankan agar mengadakan sesi/kelas perbincangan mengenai masalah fiqh wanita, AJK program kerohanian tidak hanya tertumpu kepada guru pelatih pengkhususan pengajian agama sahaja, melaksanakan dan menguatkan aktiviti dan badan usrah iaitu membentuk kumpulan kecil untuk membincangkan isu-isu agama dan isu-isu semasa, mengadakan aktiviti yang lebih bersifat amali seperti bengkel memasak, menjahit, penyembelihan, pengurusan jenazah dan bengkel penulisan khat serta program mentor mentee bacaan al-Quran melibatkan guru pelatih, pensyarah dan staf.

Sementara itu, hasil kajian Mohd Ismail dan Salini (2010) telah menggambarkan bahawa kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap aktiviti *usrah* yang dijalankan serta memberi maklum balas yang baik terhadap keberkesanan aktiviti *usrah*. Kajian berbentuk diskriptif ini telah dijalankan di SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Responden kajian terdiri daripada 111 orang pelajar iaitu keseluruhan populasi pelajar tingkatan 4 di sekolah tersebut. Namun, kajian mereka mendapati bahawa pendekatan yang paling efektif untuk menjamin keberkesanan *usrah* ialah melalui ketua *usrah* yang sentiasa meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah. Ini kerana ketua *usrah* memainkan peranan yang amat penting dan merupakan nadi penggerak setiap *usrah*.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian oleh Mohd Mahzan, Sayuti, Che Pee dan Md. Sabri (2008) mendapati ramai remaja tidak mengambil berat dan tidak mengambil peduli terhadap perkembangan syiar Islam dan aktiviti kerohanian di surau. Melalui kajian mereka berkaitan peranan surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan di Institusi Pengajian Tinggi, turut mendapati para remaja tidak merasa terikat dengan surau. Hasil kajian mereka juga turut menjelaskan bahawa aktiviti anjuran surau yang paling diminati remaja adalah aktiviti bercorak sambutan perayaan. Ia diikuti aktiviti bercorak majlis kenduri yang mempunyai elemen jamuan iaitu majlis berbuka puasa, majlis doa selamat dan ibadah qurban. Memandangkan bacaan yasin beserta jamuan adalah aktiviti yang dijadikan rutin di surau, maka ia turut mencatat peratusan minat yang tinggi. Aktiviti bercorak keilmuan dan pembelajaran kemahiran dalam keagamaan adalah antara aktiviti yang terletak dalam kategori yang sederhana peminatnya.

Sehubungan itu, Baharin, Aminatuzuhariah, Mohd Farhan dan Norsamsiah (2008) menfokuskan kajian mereka terhadap persepsi pelajar IPTA terhadap pelaksanaan program-program kerohanian dari aspek persediaan, penerimaan, kesedaran pelajar dan keberkesanan program tersebut. Hasil kajian mereka, didapati majoriti pelajar berminat untuk menghadiri program kerohanian yang diadakan. Kebanyakan mereka juga menyedari akan pentingnya program kerohanian dalam proses pembangunan insan di dalam usaha melahirkan graduan muslim yang cemerlang sahsiahnya. Selain itu, hasil daripada kajian mereka juga mendapati pendorong untuk menghadiri program kerohanian adalah lebih banyak bergantung kepada individu itu sendiri (77.6%), diikuti dengan faktor rakan-rakan (32.8%), ibubapa (18.7%) dan lain-lain (2.6%).

Dengan ini, sewajarnya tindakan bersepadu perlu dirangka bagi memantapkan dan memperbaiki pelaksanaan program-program kerohanian di kalangan pelajar. Justeru itu, hasil dari kajian Baharin *et al.* (2008) telah mencadangkan beberapa perkara yang boleh dilakukan seperti berikut:

- i. Merancang program dengan lebih rapi dan tersusun bersesuaian mengikut suasana dan perayaan yang disambut dengan memfokuskan kepada objektif yang ingin dicapai.
- ii. Kreatif dalam mempelbagaikan bentuk program seperti ceramah melalui sidang video, forum maya, diskusi isu semasa di dalam usrah dan sebagainya supaya lebih menarik minat pelajar.

- iii. Mengintegrasikan aspek kerohanian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti rekreasi, sukan, kursus-kursus dan sebagainya.
- iv. Memperuntukkan waktu sekali seminggu terutamanya pada hujung minggu untuk program kerohanian yang khusus untuk pelajar.

Kesimpulannya, majoriti mahasiswa sedar dan positif terhadap program pembangunan kerohanian. Program tersebut memerlukan pendekatan yang paling efektif iaitu melalui penganjur/ pelaksana program, fasilitator mahupun moderator. Seterusnya, penganjur program perlu merangka tindakan bersepadu bagi memantapkan dan memperbaiki pelaksanaan program-program kerohanian. Selain itu, faktor rakan-rakan sememangnya banyak mempengaruhi pelajar berbanding ibu bapa untuk menyertai program ini. Oleh itu, rakan juga memainkan peranan penting dalam kehidupan belia sama ada di sekolah, di kampus, di tempat kerja mahupun di mana-mana, selain kekuatan diri belia itu sendiri.

Maka, program seperti ini perlu dilaksanakan secara berterusan dengan lebih berkesan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan golongan belia dalam usaha melahirkan belia ideal yang cemerlang sahsiahnya dan tinggi keintelektualannya baik kepada pelajar, mahasiswa, belia terpinggir/ tercicir, belia luar bandar, dan sebagainya. Melalui penglibatan dalam aktiviti kerohanian, belia dapat menjadi peserta yang aktif dan bukan sekadar menjadi seorang pemerhati yang pasif (Mohd Fazli, Suhaida & Soaib 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Populasi kajian ini adalah mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) Malaysia dan sedang berada di semester enam. Seterusnya, sampel di dalam kajian ini adalah terdiri daripada mahasiswa Muslim berusia antara 21-24 tahun yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah pertama di UA Malaysia terpilih dan berada dalam semester enam. Memandangkan populasi kajian ini adalah terlalu besar, maka teknik pensampelan rawak kelompok berkadar digunakan untuk memudahkan proses pengumpulan data. Melalui kaedah ini, pemilihan sampel dikenal pasti berdasarkan kumpulan-kumpulan kecil atau kelompok yang wujud dalam populasi kajian (Fallis, 2013). Fokus kelompok bagi pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan zon-zon di Malaysia. Empat buah Universiti Awam Malaysia telah terpilih mewakili setiap zon iaitu zon timur, zon selatan, zon barat/ tengah dan zon utara melalui kaedah persampelan rawak mudah. Sebanyak 823 soal selidik kajian diedarkan kepada sasaran responden. Rentetan strategi kutipan data yang dilakukan, penyelidik telah menerima kembali 646 atau 78.5 peratus soal selidik daripada keseluruhan soal selidik yang diedarkan. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar soal selidik yang terlibat dalam analisis kajian ini ialah 623 sahaja setelah melalui proses pembersihan data iaitu ujian normaliti, ujian lineariti, menangani *outliers*, multikolineariti dan autokorelasi seperti yang dicadangkan oleh Hair *et al.* (2010). Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (*SPSS*) melalui analisis deskriptif, ujian-t sampel bebas dan ANOVA sehalu. Sebelum proses analisis data dijalankan, gabungan konstruk-konstruk yang membentuk instrumen kajian ini telah menjalani ujian kesahan, kajian rintis, analisis faktor dan ujian kebolehppercayaan.

Instrumen kajian ini diadaptasi (diambil dan disesuaikan dalam konteks kajian ini) daripada instrumen kajian-kajian lepas seperti Busseri *et al.* (2009), Lawford dan Ramey (2015) dan Ramey *et al.* (2015, 2017). Soalan bagi konstruk kecenderungan menyertai memerlukan persepsi responden terhadap kecenderungan menyertai program pembangunan

kerohanian yang mengandungi 9 soalan tertutup berbentuk skala Likert lima mata

HASIL KAJIAN

Profil Responden

Daripada 623 responden yang terlibat, mahasiswi dilihat mendominasi sebagai responden iaitu seramai 414 orang (66.5%) manakala selebihnya adalah mahasiswa (33.5%). Dari sudut umur, majoriti responden adalah berumur 22 tahun (37.9%), diikuti 23 tahun (36.1%), melebihi 23 tahun (16.2%) dan paling sedikit berumur 21 tahun (9.8%). Seterusnya, profil responden berdasarkan lokasi asal tempat tinggal melaporkan responden yang berasal daripada bandar (52.2%) lebih ramai berbanding mereka yang berasal daripada luar bandar (47.8%). Profil keluarga pula mendapati bahawa majoriti tahap pendapatan keluarga responden berada antara RM1,001 hingga RM3,000 sebulan (37.4%) dan diikuti tahap pendapatan keluarga antara RM3,001 hingga RM5,000 sebulan (30.7%). Menyentuh tentang pendidikan responden di peringkat menengah, lebih separuh daripada responden (63.6%) mendapat pendidikan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan. Seterusnya, seramai 118 orang (18.9%) mendapat pendidikan menengah daripada sekolah aliran agama dan diikuti oleh responden yang mendapat pendidikan dari Sekolah Berasrama Penuh seramai 68 orang (10.9%). Selain daripada itu, pelajar daripada aliran sains dilihat mendominasi sebagai responden (66.9%) manakala selebihnya adalah daripada aliran perakaunan/ ekonomi/ perdagangan (15.1%), aliran agama (6.7%), aliran sastera (5.8%) dan aliran teknikal/ vokasional (5.5%). Hasil analisis deskriptif turut melaporkan kumpulan majoriti responden kajian adalah pelajar UA dari Zon Timur iaitu seramai 200 orang (32.1%) dan diikuti Zon Selatan (30.5%), manakala selebihnya dari Zon Utara (19.7%) dan Zon Barat/ Tengah (17.7%). Dapatan kajian turut mendapati kumpulan pelajar daripada program Sains Sosial mendominasi sebagai responden kajian iaitu seramai 140 orang (22.5%), diikuti oleh kumpulan pelajar daripada program Sains Gunaan (22.1%), program Teknologi Kejuruteraan (21.7%) dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (20.4%). Manakala kumpulan pelajar daripada program Sains Kesihatan & Klinikal merupakan kumpulan minoriti responden dalam kajian ini. Lanjutan daripada itu, lebih separuh responden tinggal di dalam kampus (57.5%) dan selebihnya tinggal di luar kampus (42.5%).

Tahap Kecenderungan Menyertai

Analisis deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai telah digunakan untuk mengetahui purata skor setiap item dan keseluruhan bagi konstruk kecenderungan menyertai seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Setiap Item Kecenderungan Menyertai

Bil.	Kod	Item-Item Kecenderungan Menyertai	Min	S.P
1	A7	Aktiviti kerohanian membantu saya mendekati diri (berhubung) dengan Allah.	4.559	0.608
2	A8	Aktiviti kerohanian membantu memberikan pengertian dan matlamat dalam hidup saya.	4.255	0.724
3	A9	Aktiviti kerohanian menghubungkan saya dengan masyarakat.	4.246	0.698

4	A6	Aktiviti kerohanian adalah penting dalam pembentukan jati diri saya.	4.210	0.689
5	A2	Saya berminat untuk lebih mengetahui tentang aktiviti kerohanian.	4.080	0.687
6	A4	Saya menikmati aktiviti kerohanian dan seronok semasa saya terlibat dengannya.	3.879	0.737
7	A5	Adalah sangat sukar bagi saya untuk meninggalkan aktiviti kerohanian.	3.785	0.827
8	A1	Saya sangat fokus semasa menyertai aktiviti kerohanian.	3.742	0.732
9	A3	Saya masih terfikirkan tentang aktiviti kerohanian walaupun bukan sewaktu saya menyertainya.	3.732	0.767
Purata Skor Keseluruhan			4.054	0.508
Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> (α)			0.877	

Dapatan deskriptif kajian dalam Jadual 1 menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* (α) bagi konstruk kecenderungan menyertai bersamaan 0.877 iaitu melebihi aras 0.7. Nilai ini memberikan gambaran satu bentuk perhubungan yang kuat antara item-item tersebut dan ia dianggap baik (Pallant, 2011). Dalam pada itu, keputusan analisis turut melaporkan bahawa purata skor keseluruhan tahap kecenderungan menyertai bagi nilai min adalah 4.054 daripada skala 5. Seterusnya, julat skor min bagi 9 item dalam konstruk kecenderungan menyertai berada di antara 3.732 hingga 4.559. Merujuk Jadual 1 juga didapati item A7 merupakan skor min yang paling tinggi iaitu 4.559. Manakala item A3 mencatatkan skor min paling rendah dengan nilai 3.732.

Dalam pada itu, Nunnally (1978) menunjukkan penetapan tahap bagi data dari instrumen yang mempunyai skala 1 hingga 5 adalah jika skor min di antara 1.00 hingga 1.80 dikategorikan sebagai tahap “sangat rendah”; skor min 1.81 hingga 2.60 dikategorikan sebagai tahap “rendah”; manakala skor min 2.61 hingga 3.40 dikategorikan sebagai tahap “sederhana”. Seterusnya skor min 3.41 hingga 4.20 dikategorikan sebagai tahap “sederhana tinggi” dan skor min 4.21 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tahap “tinggi”. Kesenambungan daripada itu, analisis deskriptif ini menjawab objektif kajian iaitu tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berada di tahap sederhana tinggi (min = 4.054) merujuk kepada Nunnally (1978). Secara keseluruhan, 56 peratus daripada 9 item kecenderungan menyertai berada di tahap yang tinggi iaitu item A7 (4.559), A8 (4.255), A9 (4.246) dan A6 (4.210). Manakala baki selebihnya (A1 hingga A5) berada di tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian ini turut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abdullah, Selamah, Norazlina, Ahmad Bashir, Mohd Shahril *et al.* (2016) melaporkan bahawa penyertaan belia Malaysia dalam aktiviti kerohanian berada pada tahap yang sederhana tinggi atau baik. Namun kajian mereka yang melibatkan responden seramai 4,703 orang golongan belia berusia di antara 15 hingga 40 tahun adalah terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan latar belakang di seluruh Malaysia. Sebaliknya, hasil kajian oleh Mohd Fazli *et al.* (2013) dan Mohanaraju, Ahmad Tajuddin dan Abdul Ghani (2012) terhadap penyertaan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan masing-masing nilai min 3.19 dan 2.97. Walau bagaimanapun, kemungkinan wujud faktor lebih dominan yang boleh dikaitkan dengan tahap penyertaan pelajar yang sederhana.

Namun begitu, tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan memandangkan program pembangunan kerohanian dapat membantu mendekatkan diri dengan Pencipta dan penting dalam pembentukan jati diri belia Muslim.

Perbezaan Tahap Kecenderungan Menyertai berdasarkan Ciri-Ciri Demografi

Analisis inferensi yang melibatkan Ujian-t Sampel Bebas dan ANOVA Sehalah telah digunakan untuk melihat perbezaan min bagi ciri-ciri demografi terhadap tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian dengan menguji hipotesis. Dalam pengujian hipotesis kajian, sebelas hipotesis telah diuji yang mana tiga hipotesis menggunakan analisis Ujian-t Sampel Bebas dan lapan hipotesis menggunakan ANOVA Sehalah.

Dalam kajian ini, analisis Ujian-t Sampel Bebas digunakan untuk melihat perbezaan min bagi dua kategori iaitu jantina, penginapan di universiti dan lokasi asal kediaman seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Perbezaan Tahap Kecenderungan Menyertai berdasarkan Jantina, Penginapan di UA dan Lokasi Kediaman

Ciri-Ciri Demografi	Kategori	Min	S.P	Nilai t
1. Jantina	Lelaki	4.070	0.547	0.536
	Perempuan	4.046	0.487	
2. Penginapan di UA	Dalam Kampus	4.183	0.480	7.686***
	Luar Kampus	3.881	0.493	
3. Lokasi Kediaman	Luar Bandar	4.198	0.489	-7.009***
	Bandar	3.923	0.489	

Nota. ***Signifikan pada aras keertian 0.01

Jadual 2 melaporkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berdasarkan penginapan responden di UA dan lokasi kediaman. Hal ini dibuktikan dengan perbezaan min sebanyak 0.302 yang mana mahasiswa yang menginap di dalam kampus lebih tinggi tahap kecenderungan menyertai aktiviti kerohanian berbanding mahasiswa yang menginap di luar kampus. Dapat dilihat juga dalam Jadual 2 menunjukkan nilai min lokasi kediaman mahasiswa luar bandar lebih tinggi berbanding lokasi kediaman mahasiswa dalam bandar. Keputusan ini menunjukkan mahasiswa yang tinggal di luar bandar dalam kajian ini lebih tinggi tahap kecenderungan menyertai program pembangunan kerohanian berbanding mahasiswa yang tinggal di dalam bandar.

Dalam pada itu, kajian ini juga telah menggunakan analisis ANOVA Sehalah untuk melihat perbezaan min yang melebihi dua kategori bagi ciri-ciri demografi iaitu umur, kelayakan akademik memasuki UA, status pendapatan keluarga, jenis dan aliran di sekolah menengah, zon UA, nama program di UA dan penaja atau pembiayaan pengajian. Jadual 3 melaporkan keputusan analisis ANOVA Sehalah bagi perbezaan tahap kecenderungan menyertai berdasarkan umur, kelayakan akademik memasuki UA dan status pendapatan keluarga sebulan.

Jadual 3: Perbezaan Tahap Kecenderungan Menyertai berdasarkan Umur, Kelayakan Akademik memasuki UA dan Status Pendapatan Keluarga

Ciri-Ciri Demografi	Kategori	Min	S.P	F
1. Umur	21 tahun	3.987	0.506	8.311***
	22 tahun	3.941	0.449	

	23 tahun	4.145	0.549	
	> 23 tahun	4.156	0.488	
2. Kelayakan Akademik memasuki UA	SPM	3.952	0.441	3.313***
	Asasi	4.090	0.576	
	Matrikulasi	3.995	0.498	
	STPM	4.130	0.504	
	Diploma	4.173	0.474	
3. Status Pendapatan Keluarga	RM1,000 ke bawah	4.134	0.555	1.327
	RM1,001 – RM3,000	4.019	0.508	
	RM3,001 – RM5,000	4.066	0.485	
	Melebihi RM5,000	4.032	0.492	

Nota. ***Signifikan pada aras keertian 0.01

Keputusan analisis ANOVA Sehal dalam Jadual 3 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berdasarkan kategori umur dan kelayakan akademik memasuki UA. Hasil keputusan juga turut melaporkan kumpulan umur melebihi 23 tahun dan kumpulan mahasiswa yang mempunyai kelayakan akademik diploma memiliki tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi berbanding kumpulan mahasiswa yang lain. Seterusnya, Jadual 4 melaporkan keputusan analisis ANOVA Sehal bagi perbezaan tahap kecenderungan menyertai berdasarkan jenis dan aliran di sekolah menengah.

Jadual 4: Perbezaan Tahap Kecenderungan Menyertai berdasarkan Jenis dan Aliran di Sekolah Menengah

Ciri-Ciri Demografi	Kategori	Min	S.P	F
1. Jenis Sekolah Menengah	Sekolah Aliran Agama	4.379	0.481	18.253***
	Sekolah Berasrama Penuh	4.100	0.482	
	Sek. Men. Teknik/ Vokasional	4.059	0.539	
	Sek. Men. Keb.	3.951	0.477	
	Sek. Men. Jenis Keb.	3.815	0.170	
2. Aliran di Sekolah Menengah	Agama	4.185	0.426	2.741**
	Sastera	4.161	0.516	
	Teknikal/ Vokasional	4.118	0.560	
	Sains	4.055	0.490	
	Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan	3.927	0.573	

Nota. Signifikan pada aras keertian ***0.01 dan **0.05

Keputusan analisis ANOVA Sehal dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berdasarkan jenis dan aliran di sekolah menengah. Jadual 4 turut melaporkan kumpulan mahasiswa yang mendapat pendidikan menengah dari sekolah aliran agama memiliki tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi berbanding kumpulan mahasiswa yang lain. Hasil keputusan juga mendapati kumpulan mahasiswa yang mengambil aliran agama di sekolah menengah memiliki tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi berbanding kumpulan mahasiswa yang mengambil aliran selainnya. Jadual 5 melaporkan

keputusan analisis ANOVA Sehalu bagi perbezaan tahap kecenderungan menyertai berdasarkan pendidikan di universiti iaitu zon UA, program yang diambil dan penaja atau pembiayaan pengajian.

Jadual 5: Perbezaan Tahap Kecenderungan Menyertai berdasarkan Zon UA, Program dan Penaja/ Pembiayaan Pengajian

Ciri-Ciri Demografi	Kategori	Min	S.P	F
1. Zon UA	Barat/ tengah	4.162	0.465	2.157
	Utara	4.056	0.442	
	Selatan	4.033	0.549	
	Timur	4.019	0.528	
2. Nama Program	Sains Tulen	4.207	0.465	3.026***
	Sains Tabii & Warisan Negara	4.150	0.557	
	Teknologi Maklumat & Komunikasi	4.137	0.476	
	Sains Gunaan	4.070	0.502	
	Teknologi Kejuruteraan	4.044	0.485	
	Sastera/ Sastera Ikhtisas	3.958	0.479	
	Sains Sosial	3.922	0.540	
3. Penaja/ Pembiayaan Pengajian	Sains Kesihatan & Klinikal	3.759	0.679	0.937
	Yayasan/ Pelajaran Negeri	4.147	0.499	
	JPA	4.090	0.559	
	PTPTN	4.059	0.496	
	Lain-lain	4.000	0.588	
	Sendiri (Ibubapa)	3.969	0.511	
	MARA	3.931	0.459	

Nota. Signifikan pada aras keertian ***0.01

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan menyertai berdasarkan program yang diikuti di UA. Ujian susulan *Post Hoc* (Tukey's HSD) mendapati kumpulan mahasiswa yang mengikuti program Sains Tulen memiliki tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi berbanding kumpulan mahasiswa yang mengikuti program selainnya. Namun, hasil analisis ANOVA sehalu tidak menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kecenderungan menyertai berdasarkan zon UA dan penaja atau pembiayaan pengajian.

Secara keseluruhannya, tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian dalam kajian ini berbeza secara signifikan berdasarkan penginapan di UA, lokasi kediaman, umur, kelayakan akademik memasuki UA, jenis dan aliran di sekolah menengah dan program pengajian di UA. Hasil dapatan kajian juga turut selari dengan dapatan kajian oleh Abdullah *et al.* (2016), Paine *et al.* (2013) serta Rosnida dan Nur Farrah (2016) yang menunjukkan tahap penyertaan berbeza mengikut kumpulan demografi yang berbeza.

Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa mahasiswa yang tinggal di dalam kampus, berasal dari luar bandar, lebih berumur (>23 tahun), mempunyai kelayakan diploma memasuki UA, mendapat pendidikan dari sekolah aliran agama dan bidang agama di peringkat sekolah menengah serta program sains tulen di peringkat UA menunjukkan tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi dalam program pembangunan kerohanian.

PERBINCANGAN

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berada di tahap sederhana tinggi atau tahap yang baik. Walau bagaimanapun, tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian ini masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan lagi. Tambahan lagi, masih terdapat aktiviti-aktiviti yang tidak pernah disertai oleh sebahagian besar responden dalam kajian ini seperti khemah ibadah/ kem solat, amali Fardhu Ain dan *Qiamullail* sebagaimana yang dikemukakan oleh responden dalam soalan terbuka borang soal selidik. Maka, program pembangunan kerohanian perlu diperbanyakkan lagi dan bervariasi. Hal yang sedemikian kerana program pembangunan kerohanian merupakan antara medium terpenting dalam membentuk jati diri belia dan seterusnya dapat membantu mendekati diri dengan Pencipta.

Menurut Wan Yusnee (2013), terdapat banyak program pembangunan kerohanian yang dikendalikan oleh pelbagai pihak terhadap mahasiswa baik di IPTA mahupun di IPTS dalam usaha melahirkan insan yang berperibadi unggul. Walaupun pelbagai usaha dakwah telah dipergiatkan, namun umum menyatakan bahawa usaha dakwah di semua peringkat termasuk di IPT menghadapi banyak masalah (Ahmad 2010). Kenyataan ini disokong oleh kajian Mohd Nasir *et al.* (2006) terhadap mahasiswa-mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia yang menjelaskan bahawa antara masalah pelaksanaan program dakwah kampus ialah sambutan yang kurang menggalakkan, kurang kesedaran kepentingan program, penyampaian isi kandungan yang tiada pengkhususan, kurang jelas matlamat program dan tiada penilaian (muhasabah) terhadap program. Apabila permasalahan ini berlaku, maka tahap kecenderungan menyertai program akan berkurang. Sehubungan itu, berlakunya krisis pengisian masa senggang golongan belia dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.

Namun begitu, perlu disedari bahawa generasi muda mudah terdedah kepada ledakan maklumat daripada pelbagai sumber dan saluran yang pelbagai berkemungkinan memberi kesan negatif jika tidak berupaya dikawal dengan baik. Di samping itu, kajian oleh Sohana (2016) menunjukkan kandungan media massa yang paling diminati oleh mahasiswa ataupun golongan belia ialah bahan berbentuk hiburan. Malah, menurut kajian yang dilakukan oleh Wan Norina, Zaharah, Ahmad Fkrudin dan Ahmad Arifin (2013) mendapati melayari laman web merupakan aktiviti yang paling digemari oleh mahasiswa-mahasiswa di IPT dengan bertujuan untuk bersantai. Daripada hasil kajian mereka juga menunjukkan mahasiswa menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai termasuk laman web sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram* dan sebagainya. Sohana (2016) pula mendapati minat mahasiswa terhadap bahan-bahan media massa berbentuk hiburan, humor, seram dan lucu boleh memberi kesan negatif kepada penampilan akhlak dan jati diri mereka sebagai mahasiswa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Di mana pengaruh hiburan ke arah keseronokan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama serta wacana ilmu yang boleh menambah ilmu pengetahuan dan ini membuktikan media massa sangat mempengaruhi tingkah laku, akhlak dan kehidupan sosial mereka.

Hasil kajian seterusnya juga berjaya memenuhi objektif kedua kajian ini dan dirumuskan bahawa tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian berbeza secara signifikan berdasarkan umur, kelayakan akademik memasuki UA, lokasi kediaman, jenis dan aliran di sekolah menengah, program pengajian di UA dan penginapan di UA. Hasil kajian ini mendapati bahawa mahasiswa yang berumur lebih 23 tahun, mempunyai kelayakan diploma memasuki UA, berasal dari luar bandar, mendapat pendidikan

menengah dari sekolah aliran agama dan bidang agama di peringkat sekolah menengah, mengikuti program sains tulen di peringkat UA dan tinggal di dalam kampus menunjukkan tahap kecenderungan menyertai yang lebih tinggi dalam program pembangunan kerohanian. Sekolah aliran agama yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah SMKA, SMAP, KISAS, SBPI, SMAN, SABK, SMAR, MRSM Program Ulul Albab, ataupun sekolah agama yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Justeru, kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan universiti memberikan tumpuan kepada mahasiswa terutama yang baru memasuki IPT kerana mereka di usia yang muda sedang mencari arah dan bimbingan terutama dalam aspek agama. Mahasiswa yang lebih senior iaitu yang telah terdedah lebih banyak pengalaman dalam menyertai mana-mana program pembangunan kerohanian perlu menjadi mentor dan membimbing adik-adik junior yang sedang mencari arah dan tempat mengadu sementara baru belajar mengenali kehidupan suasana kampus dengan usia baru meningkat dewasa yang sangat mencabar. Konsep seperti 'Usrah' atau Program 'Halaqa' adalah antara program yang wajar dilaksanakan di peringkat IPT kerana kaedahnya yang lebih berkesan dan lestari serta telah terbukti berjaya sejak pengamalannya di zaman Rasulullah lagi. Situasi ini akan memberikan impak positif berganda jika pihak pengurusan IPT mampu menyediakan lebih banyak penginapan dalam kampus atau menggalakkan mahasiswa tinggal di dalam kampus bagi memastikan mahasiswa dapat mengikuti aktiviti kerohanian yang dirancang dengan lebih konsisten dan sistematik. Hal ini kerana pelajar-pelajar universiti terutamanya yang berada di luar kampus, kebiasaannya adalah yang menyewa bersama rakan-rakan seuniversiti dan tinggal jauh daripada kawalan ibu bapa dan keluarga. Maka, ruang untuk mereka terdedah kepada gejala-gejala sosial yang tidak terkawal adalah cukup besar (Utusan Malaysia 2002).

Dari sudut lokasi kediaman, mahasiswa yang tinggal di luar bandar lebih tinggi tahap kecenderungan menyertai berbanding dalam bandar. Hal ini disebabkan oleh mahasiswa daripada luar bandar sudah terbiasa dengan aktiviti-aktiviti kerohanian yang sentiasa diadakan di masjid atau di surau dalam kampung mereka seperti kuliah agama, aktiviti gotong-royong, qiamullail dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia yang tinggal di luar bandar yang kurang tertumpu kepada hiburan atau kawasan tempat berpelesenan seperti di bandar akan memfokuskan mereka kepada aktiviti sosial yang berbentuk keagamaan. Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Krauss dan Azimi (2005) terhadap belia Muslim di Malaysia yang tinggal di bandar dan luar bandar juga mendapati bahawa tahap keagamaan belia luar bandar adalah lebih tinggi berbanding belia yang tinggal di bandar. Menurut Krauss dan Azimi perbezaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor modenisasi yang membawa pengaruh dan budaya barat yang berlaku di kawasan bandar berbanding di luar bandar. Justeru, dicadangkan pihak berwajib melihat perkara ini dengan mengadakan lebih banyak program pembangunan kerohanian di bandar serta bentuk aktiviti yang benar-benar dapat menarik perhatian mereka mengatasi tarikan aktiviti hiburan yang lain. Justeru, dicadangkan pihak berwajib melihat perkara ini dengan mengadakan lebih banyak aktiviti kerohanian di bandar serta bentuk aktiviti yang benar-benar dapat menarik perhatian mereka mengatasi tarikan aktiviti hiburan yang lain.

Dari sudut latar belakang pendidikan peringkat sekolah menengah, kajian ini juga mencadangkan agar mahasiswa didedahkan dengan suasana atau ilmu-ilmu keagamaan dan kerohanian seperti mana aktiviti-aktiviti seumpama ini biasa dijalankan di sekolah aliran agama dan Sekolah Berasrama Penuh seperti Sekolah Menengah Sains dan MRSM Ulul Albab. Peribahasa 'alah bisa tegal biasa' dan 'belakang parang kalau diasah selalu lama-lama tajam jua' boleh dijadikan prinsip dalam pelaksanaan aktiviti kerohanian di peringkat sekolah lagi

walaupun sekolah kebangsaan. Meskipun sukar atau tiada nampak akan kejayaan pada awalnya, namun lama kelamaan akan berkesan di hati mereka dan berguna untuk kelangsungan hidup mereka seterusnya kelak.

Limitasi dalam kajian ini ialah responden yang ditemui merupakan mahasiswa Muslim di Universiti Awam Malaysia. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian akan datang dapat mengambil kira golongan belia secara lebih terbuka iaitu melibatkan pelbagai latar belakang pendidikan.

KESIMPULAN

Program pembangunan kerohanian amat penting kerana generasi pada hari ini dihambat dengan pelbagai cabaran global di mana dunia maya telah merempuh semua sudut kehidupan tanpa sempadan, tempat, masa dan kepelbagaian sama ada suka atau tidak. Penganjuran program antara lain ingin memupuk nilai-nilai kerohanian yang perlu diterap pada generasi muda agar pembangunan modal insan terus subur dalam meniti liku kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar. Dengan adanya program pembangunan kerohanian ini maka nilai-nilai murni seperti sabar, bersyukur, keinsafan, bekerjasama, menghargai, ehsan dan kemuliaan dapat dipupuk bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar tetapi seluruh warga sekolah mahupun IPT. Justeru, hakikatnya kesedaran dan kecintaan beragama adalah amat penting kerana melalui ajaran yang suci maka segala yang bertentangan dengan norma-norma dapat dihindarkan.

Maka, kajian ini mencadangkan agar golongan belia khususnya mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian bagi meningkatkan tahap kerohanian mereka. Program pembangunan kerohanian perlu diadakan dengan lebih kerap dan bervariasi supaya penyertaan program tersebut menjadi *habit* atau tabiat kepada mereka. Selain itu, program pembangunan kerohanian yang dianjurkan haruslah bersesuaian dengan jiwa mahasiswa dan juga selari dengan masa atau kelapangan mereka. Pihak penganjur program perlu mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan program-program yang lebih mesra belia dan sesuai dengan generasi Y untuk menarik minat mereka. Golongan belia selalunya dipengaruhi oleh idola atau selebriti yang mereka kagumi. Dengan itu, peranan media massa dan pihak penganjur amat penting dalam melibatkan selebriti contoh seperti Imam Muda, Ustazah Pilihan dan *Dai'* sebagai tarikan utama dalam meningkatkan penyertaan belia khususnya mahasiswa Muslim dalam program pembangunan kerohanian.

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani. 2014. Keberkesanan Program Pusat Islam dalam membentuk sahsiah pelajar: Kajian perbandingan antara UPSI dan UKM. *Jurnal Perspektif*, 6(1), 81-95.
- Abdullah Abd Ghani, Selamah Maamor, Norazlina Abd Wahab, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Nik Safiah Nik Abdullah, & Nor Hanim Elias. 2016. *Managing Spiritual Activities Among Youth in Malaysia: Issues and Challenges*. Prosiding Konvensyen Pengurusan Potensi Belia ke Arah Pembinaan Negara Bangsa 2016, Everly Hotel, Putrajaya pada 5 Disember 2016.
- Ahmad Atian (2010). *Menuju Kemenangan Dakwah Kampus*. Solo, Indonesia: PT Era Adicitra Intermedia.
- Al-Bahi, M. (1986). *Berbagai penyimpangan ummat Islam*. Jakarta: Penerbit C.V. Sienttarama.

- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman, dan Norsamsiah Muhamad@Wahab. 2008. Kajian Pelaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Barber, B. L., Eccles, J. S., and Stone, M. R. 2001. Whatever happened to the jock, the brain and the princess? Young adult pathways linked to adolescent activity involvement and social identity. *Journal of Adolescent Research*, 16, 429–455.
- Bean, C., and Forneris, T. 2016. Examining the importance of intentionally structuring the youth sport context to facilitate positive youth development. *Journal of Applied Sport Psychology*, 28(4), 410-425.
- Benson, P. L., and Roehlkepartain, E. C. 2008. Spiritual development: A missing priority in youth development. *New Directions for Youth Development*, 2008(118), 13–28.
- Benson, P. L., Scales, P. C., and Syvertsen, A. K. 2011. The contribution of the developmental assets framework to positive youth development theory and practice. In *Advances in Child Development and Behavior*, 41, 197-230. JAI.
- Bibby, R. W. (2006). *The Boomer Factor: What Canada's Most Famous Generation is Leaving Behind*. Bastian Books.
- Busseri, M. A., Rose-Krasnor, L., and the Centre of Excellence for Youth Engagement (2009). Unpublished diagram of youth engagement framework. St. Catharines, ON: Brock University.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] (1995). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eccles, J. S., and Gootman, J. A. 2002. Features of positive developmental settings. In J. S. Eccles, & J. A. Gootman (Eds.), *Community programs to promote youth development* (pp. 86–118). Washington, DC: National Academic Press.
- Employment and Social Development Canada (ESDC). 2014. *Canadians in Context: People with Disabilities*. Retrieved from <http://www4.rhdcc.gc.ca/indicator.jsp?&indicatorid=40>
- Eraut, M. 2004. Informal learning in workplace. *Studies in Continuing Education*, 26(2), 247-273.
- Fallis, A. 2013. How to design and evaluate research in education. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9): 1689-1699.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., and Anderson, R. E. 2010. *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Meyers, L. S., Gamst, G., and Guarino, A. J. (2006). *Applied Multivariate Research, Design and Interpretation*. Sage Publication, London: Thousand Oaks.
- Kamus Dewan (2020). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, Dewan Bahasa Pustaka, Malaysia. Diakses pada 19 Disember, 2020 daripada <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=persatuan>
- Krauss, S. E. and Azimi, H. (2005). *Muslim Women and Peace: Toward Understanding the Role of Islamic Religiosity as a Contributor to Nation Building* (Manuskrip tidak diterbitkan). Institute for Community and Peace Studies (PEKKA), Universiti Putra Malaysia.

- Larson, R. W., Hansen, D. M., and Moneta, G. 2006. Differing profiles of developmental experiences across types of organized youth activities. *Developmental Psychology*, 42(5), 849.
- Lawford, H. L., and Ramey, H. L. 2015. "Now I know I can make a difference": Generativity and activity engagement as predictors of meaning making in adolescents and emerging adults. *Developmental Psychology*, 51(10), 1395-1406.
- Nadya Shaffinaz Bajuri (2013). Penerapan Unsur Kerohanian dalam Agenda Pembangunan Belia. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, Edisi 2/2013, 1-6.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw Hill.
- Masribanun Duki (2004). Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam: Satu kajian di Daerah Kuala Selangor (Kertas Projek Sarjana Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Merriam, S. B., and Caffarella, R. S. (2006). *Learning in adulthood: A comprehensive guide* (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohandaraju Annamalai, Ahmad Tajuddin Othman, dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2012. Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Ko-Kurikulum Sekolah terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012 di The Zon Regency by the Sea Johor Bahru pada 7-9 Oktober 2012. Diakses pada 24 Disember, 2015 dari http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/pdf/53.pdf
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir, dan Soaib Asimirin. 2013. Hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 1-9.
- Mohd Isa Hamzah, Mohd Aliff Mohd Nawi, Jamil Ahmad, Ab Halim Tamuri, Amirah Ismail, dan Nurul Pasihah Hassan, et al. 2012. Keberkesanan Pertubuhan Belia dalam menyemai jati diri Islam. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 93-104.
- Mohd Ismail Mustari, dan Salini Mohd Salleh (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah Di SMKA (P) Al-Mashoor (Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan). Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd Ghani, Che Pee Saad, dan Md. Sabri Adnan. 2008. Surau Sebagai Institusi Sosial ke Arah Pembangunan Insan: Kajian Kes di Institut Pengajian Tinggi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6, Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, hlm 91-99.
- Mohd Nasir Ripin, Azmishah Suratman, Ramli Awang, Sayed Mahussain Sayed Ahmad, dan Zulkiflee Haron (2006). Kajian Program Bina Sahsiah Staf di IPTA: Kajian Kes di UTM dan USM. Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Paine, A. E., McKay, S., and Moro, D. (2013). Does Volunteering Improve Employability? Evidence from the British Household Panel Survey. Third Sector Research Centre (Working Paper 100). University of Birmingham, Birmingham.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS* (4th ed.). Australia: Allen & Unwin.

- Ramey, H. L., Lawford, H. L., and Rose-Krasnor, L. 2017. Doing for others: Youth's contributing behaviors and psychological engagement in youth-adult partnerships. *Journal of Adolescence*, 55, 129-138.
- Ramey, H. L., Rose-Krasnor, L., Busseri, M. A., Gadbois, S., Bowker, A., and Findlay, L. 2015. Measuring psychological engagement in youth activity involvement. *Journal of Adolescence*, 45, 237-249.
- Rohana Tan, dan Norhasni Zainal Abiddin. 2016. Tinjauan Permasalahan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Tinggi. *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, 1(2), 161-178.
- Rosnida Othman, dan Nur Farrah Azwa Jasni. 2016. Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1, 91-100.
- Samsudin A. Rahim (2007). *Generasi belia: Satu cetusan pandangan*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan, dan Sharifah Fatimah Wan Jamel. 2011. Tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1-13.
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-BANGI-Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 1*, 214-226.
- Utusan Malaysia. 2002, 26 Oktober. *Dadah - UTM Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Utusan Online. Ogos 11, 2010. IPTA Perlu Lahirkan Lebih Ramai Pendakwah Muda. Diakses pada 19 Oktober, 2014, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0811&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pahang&pg=wp_06.htm
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, dan Ahmad Arifin Sapar 2013. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *O-JIE: The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 17-27.
- Wan Yusnee Wan Abdullah (2013). *Dakwah di Universiti Selangor: Kajian Masalah Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

MAKLUMAT PENULIS

DR NIK SAFIAH NIK ABDULLAH

Fakulti Muamalat & Kewangan Islam
Kolej Universiti Islam Perlis, Perlis
niksafiah@kuips.edu.my

PROF. MADYA DR SELAMAH MAAMOR

Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia, Kedah
selamahm@uum.edu.my

PROF. MADYA DR NORAZLINA ABD WAHAB

Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Universiti Utara Malaysia, Kedah
norazlina.aw@uum.edu.my